

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Keguruan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan

Othman Md Johan & Hanisah Binti Hamdan

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion keguruan di kalangan pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan di Fakulti Pendidikan. Seramai 248 pelajar tahun satu hingga empat telah dipilih sebagai responden kajian. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mengetahui pengaruh minat, keluarga, rakan sebaya, jaminan kerjaya dan ganjaran dalam pemilihan kerjaya guru di kalangan pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kekerapan, peratus dan min. Analisis ini dijalankan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science version 13.0' (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan faktor minat dan faktor keluarga merupakan dua faktor yang mempunyai tahap yang tinggi dalam mempengaruhi pelajar dalam memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka. Sementara faktor ganjaran, jaminan kerjaya dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar-pelajar yang dikaji. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk membantu bakal-bakal guru yang meminati profesion keguruan ini supaya mempunyai pandangan positif terhadap kerjaya mereka.

Katakunci : faktor, [emilihan profesion keguruan, Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan

Pengenalan

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pada 28 Februari 1991, telah mengemukakan satu pandangan jangka masa panjang yang dibentangkan kertas kerja dengan bertajuk " Malaysia Melangkah Ke Hadapan", pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia. Berdasarkan kertas kerja tersebut jelas mengandungi visi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri moden pada tahun 2020, yang kemudiannya dikenali sebagai Wawasan 2020. Kini 10 tahun telah berlalu, kerajaan telah berusaha untuk memastikan sembilan cabaran yang diperincikan dalam kertas dasar tersebut akan dapat dicapai. (Berita Harian, 30 April 1997)

Berdasarkan usaha yang dilakukan oleh kerajaan sebagaimana yang dinyatakan tadi, sudah pasti rakyat mesti menguasai pengetahuan terutamanya dalam bidang teknologi bagi melaksanakan usaha tersebut. Pendidikan memainkan peranan yang penting menyediakan rakyat yang berpengetahuan tinggi dan memperolehi kemahiran terutamanya dalam bidang teknologi kejuruteraan. Selari dengan matlamat tersebut Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah menaikkan taraf Sekolah Menengah Vokasional kepada Sekolah Menengah Teknik bermula tahun 1997 dan pada tahun 2000 semua sekolah Menengah Vokasional dinaikkan taraf menjadi sekolah Menengah Teknik. (Rancangan Malaysia Ke-7 , 1996 – 2000). Langkah tersebut bertujuan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar mengikuti jurusan teknikal. Mata pelajaran Kemahiran Hidup, Reka cipta, Teknologi Kejuruteraan dan Lukisan Kejuruteraan juga diajar di sekolah harian biasa dengan matlamat menanam minat , memberi pengetahuan asas supaya pelajar akan terus dapat memperkembangkan idea dan minat terhadap teknologi.

Revolusi terhadap dunia pendidikan ini menjadikan keperluan terhadap guru teknikal turut bertambah. Ini menyebabkan Kementerian Pendidikan mewujudkan program untuk menambah bilangan guru teknikal seperti Kursus Lulusan Ijazah (KPLI) bagi Siswazah Kejuruteraan dan Program Keguruan Pertukangan Khas (PTK) untuk lulusan Politeknik yang memiliki sijil kejuruteraan di Maktab Teknik, Cheras. Universiti Teknologi Malaysia juga menawarkan Kursus Keguruan Teknikal (Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan) kepada pemegang Sijil Kejuruteraan Politeknik dan Diploma Kejuruteraan melalui kemasukan terus ke tahun 2 dan keatas.

Penyataan Masalah

Kajian ini akan dijalankan untuk mengenalpasti apakah faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka.

Objektif Kajian

Mengenalpasti sejauhmana minat, dorongan keluarga, rakan sebaya, jaminan kerjaya dan ganjaran menjadi faktor yang mempengaruhi pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan (JPTK) memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberikan maklumat yang baik dan berguna kepada semua pihak terutamanya pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan iaitu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan juga kepada bakal guru atau individu yang ingin menjadikan keguruan sebagai kerjaya mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini di harap dapat memberikan makluman tentang apakah sebenarnya ciri – ciri yang menjadi dorongan untuk seseorang memilih profesion keguruan sebagai kerjaya. Dapatan kajian tentang faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya sebagai guru ini boleh dijadikan maklumbalas kepada usaha Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan lagi profesion ini agar pemilihan yang dijalankan akan dapat memenuhi ciri –ciri seorang guru yang lebih baik.

Dapatan kajian juga diharapkan dapat dijadikan maklumbalas kepada Kementerian Pendidikan, terutamanya Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia memantapkan lagi kriteria pemilihan calon yang memohon mengikuti bidang keguruan agar mereka yang terpilih adalah mereka yang benar – benar berkeupayaan dan bersungguh – sungguh ingin menjadi pendidik.

Universiti Teknologi Malaysia

Dapatan kajian juga diharap memberikan maklum balas kepada pihak UTM dalam usaha melahirkan guru teknikal yang berkualiti. Dari dapatan kajian ini diharapkan pihak UTM dapat mengenalpasti calon-calon yang sesuai semasa pemilihan pengambilan dilakukan. Ini untuk memastikan pelajar UTM adalah mereka yang benar-benar mampu menjadi guru teknikal, bukan sahaja dari segi penguasaan ilmu tetapi juga dari segi sikap dan komitmen terhadap profesion ini.

Individu

Hasil kajian juga diharapkan dapat membantu responden, guru , bakal atau sesiapa sahaja yang ingin menjadikan keguruan sebagai profesion mereka membuat penilaian sendiri diatas pemilihan yang telah atau akan mereka ambil. Penilaian ini diharap akan menyakinkan individu

tersebut bahawa kerjaya yang mereka pilih adalah suatu pilihan yang tepat. Kajian ini juga diharap menjadi pendorong kepada individu lain untuk membuat kajian seterusnya untuk kebaikan bidang keguruan.

Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian digunakan sebagai panduan bagi pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Penyelidikan ini merupakan satu bentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklum balas dari responden.

Menurut Mohd Majid (2000), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh responden. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan. Menurut Mohamad Najib (1999), disebabkan kekangan masa, kaedah soal selidik adalah paling sesuai digunakan, di mana kaedah analisis datanya juga mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama. Soal selidik ini digunakan adalah disebabkan;

- i. Data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah.
- ii. Lebih mudah dan sesuai untuk gambaran sebenar persoalan.
- iii. Menjimatkan masa dan perbelanjaan.
- iv. Bilangan responden yang ramai dapat diadakan.

Menurut Mohd. Majid (1994) kajian berbentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Dalam kajian ini fenomena yang dikaji ialah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion keguruan di kalangan pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan.

Sampel Kajian

Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Memandangkan populasi adalah besar, maka sampel yang diambil adalah berdasarkan jadual Krejcie, R. V and Morgan

Jadual 1 : Taburan Responden Kajian Mengikut Pengkhususan dan Jantina

Kursus	SPE	SPA	SPJ	SPH
Tahun: 1	-	-	-	130
Tahun: 2	17	12	16	115
Tahun: 3	46	50	25	154
Tahun: 4	35	27	12	58

Instrumen Kajian

Menurut Mohd Majid (2000), soal selidik merupakan alat ukur yang biasa digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Ia digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik merupakan instrumen kajian yang biasa digunakan dalam kajian deskriptif adalah kerana dapatan maklum balas daripada responden yang jauh dengan mudah, kos yang sedikit dan pengawasan yang paling minimum.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi enam soalan yang bertujuan mendapatkan maklumat latar belakang responden, manakala Bahagian B adalah soalan yang berkaitan dengan kajian. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan jenis soalan yang dikemukakan dalam bahagian A iaitu berkaitan latar belakang responden.

Jadual 2 Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Latar Belakang Responden

Item	Latar Belakang
1	Jantina
2	Bangsa
3	Kursus
4	Tahun pengajian.
5	Umur
6	Kelulusan akademik tertinggi

Bahagian B pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keguruan di kalangan Aspek yang dikaji ialah minat, dorongan keluarga, rakan sebaya, jaminan kerjaya dan ganjaran. Pembahagian soalan adalah seperti dinyatakan dalam jadual 3.3.

Jadual 3 : Pembahagian Item Bahagian B Berdasarkan Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Keguruan.

Faktor	Nombor item	Jumlah
Minat	1,6,11,16,21,26,31,34,37	9
Keluarga	2,7,12,17,22,27	6
Rakan sebaya	3,8,13,18,23,28	6
Jaminan Kerjaya	4,9,14,19,24,29,32,35	8
Ganjaran	5,10,15,20,25,30,33,36,38	9

Maklumbalas untuk bahagian B dinilai melalui skala likert lima mata. Mata ukuran ini disusun mengikut sejauh mana kecenderungan responden samada sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap kenyataan faktor yang mendorong mereka memilih keguruan sebagai profesion. Ukuran kecenderungan ini ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah

Jadual 4 : Pemeringkatan Skala Likert

Nilai Likert	Maklumbalas
1	Sangat Tidak Setuju (TS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Hampir Setuju (HS)
4	Setuju (S)
5	Amat Setuju (SS)

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan untuk menentukan kesesuaian soal selidik dari segi ketetapan arahan responden, kesesuaian format soal selidik, kejelasan maksud dan memastikan keesahan dan kebolehpercayaan item. Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian, seterusnya membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian.

Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis akan dijalankan. Pengkaji menggunakan Ujian Alpha Cronbach dalam Pakej SPSS (*Statistical Package For Social Science*) Versi 13.0 sebagai instrumen kajian bagi mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik dan diukur dengan mengikut kriteria berikut.

Analisis Data

Jadual 5 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Ganjaran

Bil	Pernyataan	Tidak Setuju		Hampir Setuju		Setuju		Min	Tahap
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
30.	Profesion keguruan mempunyai cuti yang panjang.	51	20.6	48	19.4	149	60.1	3.52	Sederhana
31.	Sebagai guru, saya mempunyai banyak masa	53	21.3	60	24.2	135	54.5	3.48	Sederhana

	berpeluang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan apabila pihak sekolah hantar berkursus	15	6.0	25	10.1	208	83.9	4.15	Tinggi
37.	Jika saya melanjutkan pelajaran, elaun sebagai guru tetap berterusan.	26	10.5	53	21.4	169	68.2	3.75	Tinggi
38.	Apabila menjadi guru, panggilan cikgu sentiasa tersemat hingga akhir hayat	20	8.0	21	8.5	207	83.4	4.27	Tinggi
Jumlah purata		42	17.1	52	21.0	154	62.0	3.62	sedehana

Untuk mengetahui sama ada ganjaran dalam kerjaya guru merupakan faktor yang mempengaruhi dalam pemilihan kerjaya, responden kajian telah diminta menjawab soal selidik yang terdiri daripada 9 kenyataan yang berkaitan dengan ganjaran. Analisis min dan peratusan telah digunakan untuk menentukan sama ada ganjaran adalah merupakan faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar memilih kerjaya sebagai guru. Berdasarkan min keseluruhan, didapati bahawa nilai min ialah 3.62. Ini menunjukkan bahawa pada umumnya faktor ganjaran adalah merupakan faktor yang mempengaruhi mereka memilih profesion keguruan. Berdasarkan min tersebut, faktor ganjaran berada pada tahap yang sederhana.

Selain daripada itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa 62.0% daripada responden menyatakan mereka setuju bahawa faktor ganjaran yang mendorong mereka memilih kerjaya ini. Walaubagaimanapun 21.0% responden menyatakan mereka hampir setuju dan terdapat seramai 17.1% pula menyatakan mereka tidak bersetuju bahawa mereka memilih kerjaya ini disebabkan ganjaran dalam kerjaya keguruan.

Jika ditinjau mengenai respon pelajar yang dikaji, ternyata bahawa ganjaran membuatkan pelajar memilih untuk menceburi profesion ini kerana sebagai guru, mereka berpeluang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan apabila pihak sekolah hantar berkursus (item 36; min

4.15), elaan sebagai guru tetap berterusan mereka perolehi jika mereka melanjutkan pelajaran (item 37; min 3.75), mereka lebih suka memilih kerjaya ini kerana panggilan cikgu sentiasa tersemat hingga akhir hayat (item 38; min 4.27), kerjaya guru mempunyai cuti yang panjang (item 30; min 3.52), kerja sebagai guru mempunyai banyak masa (item 31; min 3.4), sebagai guru mereka boleh membuat pendapatan tambahan dengan menanda kertas peperiksaan dan mengawas peperiksaan. (item 32; min 3.30), dan merasakan dapat membuat pinjaman dengan mudah apabila menjadi guru (item 33; min 3.31). Guru mempunyai banyak kelebihan seperti kemudahan koperasi guru (item 34; min 3.67) dan mereka boleh menuntut elaan untuk kes-kes tertentu (item 35; min 3.16)

Perbincangan

Pengkaji membincangkan dapatan kajian berdasarkan penganalisan data yang dibuat dalam bab empat. Perbincangan ditumpukan kepada lima faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion keguruan iaitu faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor jaminan kerjaya dan faktor ganjaran.

Kajian ini dijalankan ke atas 248 orang pelajar tahun satu hingga empat kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Jentera), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Jumlah sampel kajian daripada populasi adalah berdasarkan jadual Krejcie, R. V and Morgan D. W. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang menggunakan Skala Likert. Borang soal selidik mengandungi 5 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden dan 38 item soalan lagi diklasifikasikan mengikut lima persoalan kajian. Bagi mengetahui peratusan dan min atau hasil kajian yang dijalankan, data-data mentah yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian komputer '*Statistical Package for the Social Science version 13.0*' (SPSS).

Dapatan yang diperolehi daripada data kajian menunjukkan ganjaran yang paling diminati dan dipersetujui responden ialah panggilan guru yang akan sentiasa tersemat hingga akhir hayat. Selain itu, apabila menjadi guru mereka berpeluang meningkatkan kemahiran dan pengetahuan apabila pihak sekolah hantar berkursus dan apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, elaan sebagai guru tetap berterusan. Ini memberi banyak manfaat sepanjang memegang tugas sebagai guru dan mendapat respon yang sangat positif dari responden berkenaan faktor ganjaran.

Ganjaran lain yang boleh diperolehi apabila menjadi guru adalah seperti kemudahan koperasi guru, mudah membuat pinjaman, boleh menuntut elaan untuk kes-kes tertentu,, mempunyai lebih masa, cuti yang panjang dan boleh membuat pendapatan tambahan seperti menanda kertas peperiksaan.

Setelah dikaji dengan lebih teliti, faktor gaji dan cuti bukan faktor yang paling menarik perhatian untuk memilih kerjaya guru seperti yang pernah diperkatakan. Responden lebih berminat dengan kemahiran dan ilmu yang diperolehi semasa menjadi guru di samping boleh dikenang sebagai cikgu sepanjang hayat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Lortie (1975), beliau mendapati faktor tarikan cuti dan masa bekerja merupakan faktor terakhir paling kurang mempengaruhi responden. Perkhidmatan keguruan walaupun mempunyai cuti yang panjang dan masa kerja yang pendek tetapi beban tugas adalah berat dan boleh mempengaruhi kelebihan cuti serta masa kerja yang pendek tadi.

Rujukan

- Abu Zahari Abu Bakar (1988). Memahami Psikologi Pembelajaran. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Hj.Ahmad (1991). "Pedagogi 1". Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Atan Long. (1982). "Psikologi Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Anuar. (1995)."Guru : Cabaran Mencengkam, Martabat Dipersoalkan". Mastika., 8-11, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). "Penyelidikan Pendidikan" . Johor Bahru: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (1993). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kementerian Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ee Ah Meng. (1995). "Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah". Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Quek,A.H. (1995)."Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar- PelajarDi Tingkatan Enam". Kajian Ilmiah Diploma Kaunseling yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins,M.(1964)."Untrained and Trained Teacher. A Comparison Of Their Experiences During The Probation Year". British Journal Of Educational Pscyology, 34; 75-84.
- Crow & Crow. (1981). "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holland J.L (1973)."Making Vocational Choice: A Theory of Careers".Printice Hall: New Jersey. 3(1); 69-83
- Kamus Dewan. (1996).Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mat Khailil bin Muhammad Nor. (2000)."Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Kalangan Remaja Melayu di Daerah Kinta". Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak di Terbitkan.
- Faridah Mariani Johari dan Widad Othman. (1998)."Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sutan Omar, Dungun, Terengganu". Jurnal Pendidikan,1-14.